



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KE-91**

PADA

**5 OKTOBER 2019 [SABTU]
BERSAMAAN 6 SAFAR 1441 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR
UITM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسرلي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

SEGALA PUJI BAGI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA TUHAN YANG MENGUASAI SEKALIAN ALAM. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM SERTA KEPADA KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.

ALHAMDULILLAH, SAYA INGIN MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN KEIZINAN-NYA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DAPAT BERANGKAT BAGI MENYEMPURNAKAN ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE-91.

PERTAMA-TAMANYA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN DAN KELUARGA DI ATAS KEJAYAAN YANG DILAKAR PADA HARI INI. JADIKANLAH KEJAYAAN PADA HARI INI SEBAGAI PEMANGKIN KE ARAH PEMBENTUKAN MASA DEPAN YANG LEBIH INDAH DAN BERMAKNA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

PADA SETIAP TAHUN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN SWASTA TELAH MELAHIRKAN RIBUAN LEPASAN GRADUAN. GRADUAN YANG DILAHIRKAN INI SEWAJARNYA BERPERANAN DALAM MELESTARI PEMBANGUNAN NEGARA. SEBAGAI GENERASI YANG BAKAL MENGEMUDI NEGARA PARA GRADUAN JUGA ADALAH BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT YANG HARMONI DAN BERSATU-PADU.

PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA DAN PERPADUAN NASIONAL MEMERLUKAN SATU TITIK PERSAMAAN UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI PEGANGAN. JIKA DIJIWAI PEGANGAN INI MAKA AKAN TERBENTUK NILAI POSITIF YANG BOLEH MEWUJUDKAN INTEGRASI SERTA PERSEFAHAMAN ANTARA WILAYAH, BANGSA, AGAMA DAN KETURUNAN.

SEBENARNYA, NEGARA KITA TIDAK LEKANG DENGAN SEJARAH SILAM YANG MAMPU MENGAJAR KITA ERTI KEHIDUPAN. KERANA ITU, MASYARAKAT YANG TIDAK MAHU MENGAMBIL IKTIBAR DARIPADA SEJARAH, AKAN TERUS HANYUT MELAKUKAN KESILAPAN YANG SAMA BERULANG-KALI.

MALAYSIA HARI INI TELAH MENITI USIA 62 TAHUN KEMERDEKAANNYA. KETIKA NEGARA MULA-MULA MENITI ALAM KEMERDEKAAN TELAH BERLAKU JURANG ANTARA KEKAYAAN BANDAR DAN KEMISKINAN DESA SERTA JURANG PERBEZAAN KEMEWAHAN ANTARA KAUM.

JURANG INI LAMA KELAMAAN MENJADI SUKAR DIBENDUNG DAN AKHIRNYA MENYALAKAN API PERBALAHAN. PERISTIWA HITAM INI TELAH MENYEDARKAN PEMIMPIN NEGARA AKAN PERLUNYA RAKYAT MALAYSIA Mencari satu titik persamaan untuk dijadikan pegangan ke arah penyatuan dan perpaduan.

LANTARAN ITU, TUN ABDUL RAZAK TELAH MEMBENTUK SATU FORMULA YANG DINAMAKAN "RUKUN NEGARA" SEBAGAI IDEOLOGI KEBANGSAAN MALAYSIA. RUKUN NEGARA ADALAH MERUPAKAN CITA-CITA NEGARA UNTUK MENCAPI PERPADUAN YANG KUKUH MENERUSI CARA HIDUP YANG DEMOKRATIK.

RUKUN NEGARA BUKANLAH SEKADAR HANYA DIBACA PADA SABAN TAHUN KITA MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN NEGARA. SEBALIK-NYA, SEMANGAT DAN ROH RUKUN NEGARA HENDAKLAH DIJIWAI DAN DITERAPKAN DALAM SETIAP ASPEK KEHIDUPAN HARIAN.

MEMETIK KATA-KATA ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK :

"RAHSIA KESEMPURNAAN RUKUN NEGARA IALAH PADA AMALANNYA. TANPA AMALAN, RUKUN NEGARA AKAN MENJADI SECEBIS DOKUMEN YANG TIDAK BERMAKNA."

PRINSIP PERTAMA IALAH KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN. INI BERMAKNA NEGARA INI DAN RAKYATNYA DIBENTUK ATAS ASAS KEPERCAYAAN YANG KUKUH KEPADA TUHAN. PENGGUBAL RUKUN NEGARA MENYEDARI AKAN HAKIKAT BAHAWA AGAMA DAN TUHAN ADALAH ASAS KEPERIBADIAN SERTA IDENTITI RAKYAT DAN NEGARA.

MENERUSI PRINSIP KEDUA, RAJA BUKANLAH SEKADAR LAMBANG TETAPI ADALAH MERUPAKAN PAYUNG KEDAULATAN NEGARA.

PRINSIP INI MENUNTUT RAKYAT UNTUK MENTAATI RAJA DAN NEGARA DAN BUKAN SEBALIKNYA MENJADI HAMBA KEPADA AGENDA PERSELISIHAN PERTIKAIAN MAHUPUN PERMUSUHAN. PRINSIP KETIGA IALAH KELUHURAN PERLEMBAGAAN YANG MENGHENDAKI SETIAP RAKYAT MALAYSIA UNTUK MEMAHAMI, MEMATUHI DAN MEMPERTAHKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN. IANYA ADALAH MERUPAKAN SATU DOKUMEN YANG TELAH DISEPAKATI OLEH SELURUH RAKYAT NEGARA INI.

PRINSIP KEEMPAT PULA MENETAPKAN BAHAWA KEADILAN HENDAKLAH DIASASKAN ATAS KEDAULATAN UNDANG-UNDANG. MENGHORMATI DAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG ADALAH TANGGUNGJAWAB SETIAP RAKYAT MALAYSIA.

MANAKALA PRINSIP TERAKHIR MENYARANKAN AGAR HUBUNGAN ANTARA MASYARAKAT BERBILANG AGAMA DAN BANGSA HENDAKLAH DISULAMI DENGAN BUDAYA HORMAT MENGHORMATI SOPAN SANTUN DAN NILAI-NILAI MURNI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

NEGARA MEMERLUKAN PELAPIS WARISAN UNTUK MENDUKUNG AMANAH DAN CITA-CITA YANG DITUNTUT OLEH RUKUN NEGARA. OLEH YANG DEMIKIAN GRADUAN PADA HARI INI HENDAKLAH MERUPAKAN GRADUAN YANG BIJAKSANA, CENDERUNG KEPADA KEBAIKAN DISULAMI NILAI-NILAI MURNI DAN YANG PALING PENTING IALAH GRADUAN YANG MENJIWAI RUKUN NEGARA.

JUSTERU, SAYA INGIN MENYARANKAN AGAR UNIVERSITI INI DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGARA YANG LAIN UNTUK MENDIDIK PARA GRADUAN DENGAN NILAI-NILAI YANG DITUNTUT OLEH RUKUN NEGARA.

PADA MASA YANG SAMA USAHA-USAHA BERTERUSAN WAJAR DILAKSANAKAN DI SELURUH PELUSUK NEGARA KE ARAH MEMUPUK KESEDARAN UNTUK MENGHAYATI DAN MENGAMALKAN RUKUN NEGARA.

MELALUI PENDEKATAN INI SAYA BERKEYAKINAN NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI AKAN BERTERUSAN AMAN MAKMUR DAN HARMONI DENGAN RAKYAT YANG BERSATU PADU.

MENGAKHIRI TITAH, SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PARA GRADUAN DAN JUGA KEPADA TENAGA PENDIDIK SERTA PENGURUSAN UNIVERSITI KERANA TELAH BERJAYA MELAHIRKAN PEWARIS TAMADUN NEGARA.

SEMOGA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TERUS MENJADI OBOR MEMAYUNGI TANAH ANAK MERDEKA DAN MEMBERI SINAR ILMU KEPADA PERWIRA SERTA PERTIWI UNTUK MENUJU DESTINASI CITA-CITA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته